

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Pertama

Sidang Akademik 1997/98

September 1997

HGM 234 Geografi Penduduk dan Sumber Manusia

Masa: [3 jam]

KERTAS PEPERIKSAANINI MENGANDUNGI TUJUH [7] SOALAN DI DALAM DUA [2] HALAMAN.

Jawab **EMPAT** (4) soalan. Setiap soalan bernilai 25 markah.

1. (a) Bincangkan faktor-faktor yang menyebabkan perkembangan geografi penduduk sebagai suatu sub-bidang geografi sejak tahun 1950-an hingga kini.
(b) Taksir sejahterakah perkembangan ini dapat menjelaskan dan menangani isu-isu pertumbuhan penduduk dalam tempoh tersebut.
2. **SAMA ADA**
(a) Bincangkan sejahterakah benar pernyataan yang mengatakan bahawa kejatuhan kesuburan di negara-negara maju adalah disebabkan oleh pembangunan sosio-ekonomi dan politik.

ATAU

- (b) Bincangkan tahap kesuburan masa kini dan faktor-faktor yang menyebabkan kesuburan menurun di beberapa buah negara membangun di Asia.
3. Jelaskan ciri-ciri penting struktur umur dan jantina penduduk di negara-negara membangun dan seterusnyauraikan langkah-langkah yang perlu diambil bagi menangani isu-isu yang timbul akibat daripada perubahan proses keumuran penduduk.

.../2

4. Penghijrahan antarabangsa di kalangan penduduk di Asia Pasifik adalah dipercayai disebabkan oleh perbezaan ekonomi, politik dan tekanan demografi. Bincangkan pernyataan ini dengan memberikan contoh-contoh yang sesuai.
5. Huraikan dasar-dasar taburan penduduk yang dilaksanakan di negara-negara membangun dan seterusnya buat penilaian sama ada dasar-dasar tersebut telah mencapaikan kejayaan atau sebaliknya.
6. Perlaksanaan program perancang keluarga adalah sebahagian daripada usaha mengurangkan kesuburan yang tinggi di Afrika di samping pembangunan sosio-ekonomi yang patut diberi keutamaan. Bincangkan pernyataan ini dengan merujuk kepada contoh-contoh yang sesuai.

7. **SAMA ADA**

- (a) Jelaskan dasar-dasar yang strategik bagi pembangunan sumber manusia dan apakah isu-isu yang timbul akibat daripada perlaksanaan dasar-dasar tersebut bagi sebuah atau lebih negara membangun yang anda pilih.

ATAU

- (b) Bincangkan peranan institusi-institusi pendidikan dan latihan kemahiran dalam mempertingkatkan pembangunan sumber manusia bagi negara-negara membangun yang anda pilih.